

VARIASI

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



www.mpkj.gov.my

majlis perbandaran kajang

aduan@mpkj.gov.my

1-800-88-6755 / 03-8737 7899



Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA-SAMA
DIF-DIF KEHORMAT SEWAKTU MERASMIKAN

MAJLIS PERASMIAN DEWAN SERI CEMPAKA SERTA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPKJ KE-20



1997-2017
Ke Arah Perbandaran Yang Cemerlang

MPKJ



JAMUAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI MPKj 2017

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah

MPKj telah mengadakan majlis rumah terbuka pada 18hb Julai 2017 sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Dewan Seri Cempaka Kajang. Majlis yang bermula pada jam 2.30 petang itu dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Yang Dipertua MPKj sendiri serta Dif-dif jemputan, orang awam serta kakitangan MPKj sendiri. Pada Majlis ini juga Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor telah memotong kek sempena sambutan ulangtahun MPKj yang ke-20 tahun serta merasmikan Dewan Seri Cempaka yang telah siap dibina sepenuhnya. Terdapat berbagai juadah serta hidangan disediakan antaranya nasi biryani, laksa, sate, lemang, cendol dan berbagai juadah lain. Majlis juga diserikan lagi dengan persembahan nyanyian lagu-lagu hari raya dan juga tarian daripada kakitangan MPKj.



MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR BARU BANGI – BANDAR TEKNOLOGI KAJANG

Oleh : Suzianaliza Bt. Mohd Yunus

Lebih 50,000 penduduk di kawasan pembangunan baru khususnya di sekitar Bandar Teknologi Kajang & Bandar Baru Bangi menerima kemudahan projek pembinaan persimpangan bertingkat bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Laluan bertingkat itu merupakan laluan alternatif kepada penduduk selain daripada menggunakan laluan yang melalui terowong di bawah landasan keretapi.

"Saya rasa persimpangan ini juga merupakan hadiah hari raya kepada penduduk". Demikian ucapan yang disampaikan Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali sewaktu majlis perasmian yang diadakan di persimpangan bertingkat Kajang 2 pada 18hb. Julai 2017. Turut hadir pada majlis perasmian ini adalah Ahli Majlis Tertinggi Kerajaan Negeri Selangor, Ahli-ahli Yang berhormat ADUN dan Parlimen, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang serta ketua-ketua jabatan dari peringkat Negeri & Daerah.

Projek ini menelan belanja sebanyak 62 juta bagi persimpangan bertingkat dan 3.2 juta bagi pembinaan jambatan di Bandar Teknologi Kajang. Kos pembinaan persimpangan bertingkat ini juga ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju-pemaju perumahan di sekitar kawasan berkenaan.

Kerjasama seperti ini sangat diharapkan oleh pihak Majlis dan perlu dijadikan contoh kepada pemaju-pemaju perumahan yang lain dalam merencanakan visi Majlis Perbandaran Kajang iaitu menjadikan Kajang sebagai bandar pilihan untuk didiami yang kondusif dengan menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur ke arah kehidupan berkualiti.



MESEJ KESELAMATAN ICT PEMBUDAYAAN DKICT MPKj

AMALAN "CLEAR DESK"

CLEAR DESK & CLEAR SCREEN



SAFEGUARD YOUR SENSITIVE DATA!

- ❖ Jangan papar kata laluan.
- ❖ Simpan media mudah alih di tempat selamat.
- ❖ Hapus maklumat pada peranti rangkaian.
- ❖ Memastikan semua dokumen diambil segera dari pencetak, pengimbas, mesin faksimile dan mesin fotostat.
- ❖ Kunci segala maklumat sulit.
- ❖ Meja kerja dibersihkan setiap selesai kerja.
- ❖ Menyimpan bahan-bahan sensitif di dalam laci atau kabinet fail yang berkunci.
- ❖ Menggunakan kemudahan password "screen saver" atau "logout" apabila meninggalkan komputer .

PENGURUSAN CAPAIAN PENGGUNA ASET ICT MPKj

- Akaun yang diperuntukkan oleh MPKj sahaja boleh digunakan.
- Akaun pengguna mestilah unik dan hendaklah mencerminkan identiti pengguna.
- Pentadbir Sistem ICT boleh membeku dan menamatkan akaun pengguna atas sebab-sebab berikut :
 - Bertukar bidang tugas kerja
 - Bertukar ke agensi lain
 - Bersara
 - Ditamatkan perkhidmatan
- Penggunaan akaun milik orang lain atau akaun yang dikongsi bersama adalah dilarang.
- Pemilikan akaun pengguna bukanlah hak mutlak seseorang dan ia tertakluk kepada peraturan MPKj. Akaun boleh ditarik balik jika penggunaannya melanggar peraturan.



MESEJ KESELAMATAN ICT PEMBUDAYAAN DKICT MPKj

KESELAMATAN DOKUMEN

Melindungi maklumat MPKj dari sebarang bentuk ancaman persekitaran yang disebabkan oleh bencana alam, kesilapan atau kecuaiian.

1

Setiap dokumen hendaklah difail dan dilabelkan mengikut klasifikasi keselamatan seperti Terbuka, Terhad, Sulit, Rahsia, atau Rahsia Besar.

2

Pergerakan fail dan dokumen hendaklah direkodkan dan perlulah mengikut prosedur keselamatan

3

Kehilangan dan kerosakan ke atas semua jenis dokumen perlu dimaklumkan mengikut prosedur Arahan Keselamatan

4

Menggunakan enkripsi (encryption) ke atas dokumen rahsia rasmi yang disediakan dan dihantar secara elektronik

OBJEKTIF DASAR KESELAMATAN ICT MPKj

Dasar Keselamatan ICT MPKj diwujudkan untuk memastikan tahap keselamatan ICT MPKj terus dan dilindungi bagi menjamin kesinambungan urusan MPKj dengan meminimumkan kesan keselamatan ICT.

1

Memastikan kelancaran operasi MPK dan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan.

2

Melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi.

3

Mencegah salah guna atau kecurian aset ICT kerajaan.

PROGRAM MALAYSIA #QURAN HOUR & MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Norehan Bt. Muhamad Zahidi

Majlis Perbandaran Kajang telah menganjurkan program "MALAYSIA #QuranHour dan Majlis Khatam Al-Quran dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (Kajang) yang diadakan pada 21 Jun 2017 (Jumaat) bertempat di Surau MPKj. Program ini dilaksanakan secara serentak seluruh Malaysia. Ia juga sebagai sokongan daripada Perpustakaan Awam Negeri Selangor bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor meluangkan masa satu jam, satu juta orang membaca Al-Quran serentak seluruh Malaysia secara bersendirian, berdua atau beramai-ramai. Tidak kira di rumah, di sekolah, di pejabat atau di mana sahaja. Selain itu, Membentuk Gelombang; Nikmatnya Ngaji dan Tadabur Al-Quran, selaras dengan tema "Berbudi dan Penyayang" dan "...satu permulaan"

Majlis diserikan dengan kehadiran seramai 90 orang peserta Khatam Al-Quran. Program berakhir dengan sumbangan cenderahati berupa senaskah Al-Quran beserta Sijil dan Bunga Telur yang disampaikan oleh Ahli Majlis MPKj Puan Hajah Zainun Bt Haji Samah. Adalah diharapkan program ini dapat dihayati dengan pembacaan Al-Quran sekurang-kurangnya sehari satu jam sebagai langkah amalan Ibadah kepada Allah S.W.T. Ianya juga menggalakkan penjawat awam khususnya di Majlis Perbandaran Kajang meluangkan masa sekurang-kurangnya satu jam mengaji dan bertadabur.



LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Oleh : Norehan Bt. Muhamad Zahidi



Majlis Perbandaran Kajang telah menerima Lawatan Penanda Aras daripada Majlis Perbandaran Kangar, Perlis (MPKangar) pada 28 Julai 2017 (Jumaat) lalu. Cik Norul Najwa Bt Ali selaku Ketua Delegasi bersama 28 orang kakitangan MPKangar telah disambut oleh Cik Fadilah Bt Razalli iaitu Pengerusi Kelab Bauhinia MPKj dan Encik Kamaruzaman Bin Salimin, Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat MPKj. Mereka dibawa melawat ke Taska MPKj untuk melihat dan mempelajari cara pengurusan dan aktiviti kanak-kanak Taska MPKj. Taklimat juga diberikan berkaitan Penubuhan dan Pengurusan Taska MPKj

daripada Puan Liyana Bt Zainudin, Ketua Unit Perpustakaan dan Taska Bahagian Pembangunan Masyarakat. Turut diadakan sesi taklimat aktiviti dan program ahli-ahli wanita Kelab Bauhinia MPKj.

Delegasi seterusnya dibawa melawat ke Syarikat Dewina Food Industri Sdn Bhd iaitu produk makanan jenama Brahim's di Kawasan Perusahaan Bangi. Adalah diharapkan sesi lawatan penanda aras ini dapat dijadikan pencapaian matlamat PBT - MPKj dan MPKangar serta dapat menjalinkan kerjasama jangka panjang antara dua pihak.



AKTIVITI AHLI MAJLIS BULAN JUN



ZON 3

Bantuan Makanan
Mangsa Banjir Di
Zon 3 (Makanan
Sahur & Berbuka)

18 Jun 2017



ZON 3

Program Kacau
Dodol Taman
Kemacahaya

17 Jun 2017



ZON 7

Majlis Berbuka
Puasa Dan Edaran
Bubur Lambuk

14 Jun 2017



ZON 8

Mengedar Kurma
Sempena
Ramadhan 1438h /
2017

11 Jun 2017



ZON 16

Program Majlis Iftar
Ramadhan MPP Zon
16 2017

11 Jun 2017



ZON 22

Majlis Berbuka
Puasa 2017

4 jun 2017



ZON 23

Program Berbuka
Puasa Persatuan
Penduduk Bandar
Baru Bangi
(Bangiku)

11 Jun 2017



ZON 23

Majlis Khatam Al
Quran

19 Jun 2017

AKTIVITI AHLI MAJLIS BULAN JULAI



ZON 3

Majlis Ramah Mesra
Aidilfitri Bersam Ahli
Majlis Zon 3

23 Julai 2017



ZON 8

Sambutan Hari Raya
Taming Impian

22 Julai 2017



ZON 10

Majlis Jamuan Hari
Raya Aidilfitri Zon
10

16 Julai 2017



ZON 12

Projek Pemeriksaan
Kesihatan dan
Kempen Menderma
Darah

16 Julai 2017



ZON 15

SUKMES 2017 Dun
Semenyih

29 Julai 2017



ZON 16

Majlis Potluck
Aidilfitri MPP Zon 16
2016

9 Julai 2017



ZON 22

Majlis Terbuka
Aidilfitri Taman
Tenaga

9 Julai 2017



ZON 23

Jamuan Raya MPP
Zon 23 Dan Bangiku

8 Julai 2017

PEKERJA TERBAIK BULANAN



JUN 2017

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	AZLINA BINTI RAMLI	PEMBANTU AWAM	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	SITI HAJAR AISHAH BINTI HAMZAH	PENOLONG JURUTERA	KEJURUTERAAN
3.	SITI MARIAM BINTI MOHD YUSOFF	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN (KANAN)	PERBENDAHARAAN
4.	SITI AISHAH BINTI AHMAD	PEMBANTU TADBIR	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	SITI NURAINI BINTI ENDRI	PEMBANTU TADBIR	KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
6.	SHAFINAS BINTI MOHAMMAD NASIR	PEMBANTU PENILAIAN	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
7.	ZATUL HILMA BINTI ABDUL AZIZ	PEMBANTU TADBIR	UNDANG-UNDANG
8.	KHAIRONI BINTI IDRIS	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA (KANAN)	PENGUATKUASAAN
9.	SAHARUM BIN WAHID	PEKERJA AWAM (KUP)	LANDSKAP DAN REKREASI
10.	INTAN AZUZARINA BINTI ZOLKIPLI	PEGAWAI TADBIR	PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM
11.	SITI WAHAYU BINTI ABDUL WAHAB	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (KANAN)	PELESENAN DAN PENJAJA
12.	NORAZMAN BIN ISMAIL	-	PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
13.	MOHAMAD AZHARI BIN ROSLI	PEMBANTU TADBIR	KAWALAN BANGUNAN
14.	NOOR AIDA ZURA BINTI PON	PEMBANTU TADBIR	PUSAT SETEMPAT (OSC)
15.	-	-	UNIT AUDIT DALAM



JULAI 2017

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	ROHASHEILA BINTI RAMLI	SETIAUSAHA PEJABAT	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD JAAFAR	PENOLONG PEGAWAI SENIBINA	KEJURUTERAAN
3.	SITI NORZAIKAWATI BINTI ZAINAL	PENOLONG AKAUNTAN	PERBENDAHARAAN
4.	ABDUL RAHIM BIN MOHD TAHIR	PEN. PEG. PERANCANG BANDAR DAN DESA	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	NUR AIN BINTI AIRIL	PEMBANTU TADBIR	KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
6.	MOHD FAUZI BIN SABBANI	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN (KANAN)	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
7.	HASNIZAIMAH BINTI ABAS	PEMBANTU TADBIR	UNDANG-UNDANG
8.	JUNAIDI BIN IBRAHIM	PEMBANTU PENGUATKUASA	PENGUATKUASAAN
9.	REGUNATHAN A/L ALAGUMALI	PEMBANTU AWAM	LANDSKAP DAN REKREASI
10.	NASRAHIZA BINTI IBRAHIM	PEMBANTU TADBIR	PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM
11.	MOHAMMAD RAZIF BIN ROSLI	PEMBANTU OPERASI	PELESENAN DAN PENJAJA
12.	NURUL FAREHAN BINTI IBRAHIM	PEKERJA SAMBILAN HARIAN	PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
13.	KHAIRANI BINTI KAMALUDIN	PENOLONG PEGAWAI SENIBINA (KANAN)	KAWALAN BANGUNAN
14.	AINI HAYATI BINTI AHMAD	PEMBANTU TADBIR	PUSAT SETEMPAT (OSC)
15.	-	-	UNIT AUDIT DALAM



SEMAKAN FAIL MEJA & MANUAL PROSEDUR KERJA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Lanjutan daripada Bengkel Penambahbaikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) yang telah diadakan pada 16hb - 17hb Mei 2017 bertempat di Golf Club, UKM Bangi adalah satu semakan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang diadakan pada 19hb - 20hb Jun 2017 di Bilik Mesyuarat Tingkat 3.

Semakan semula Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja akan diadakan secara berperingkat mengikut Jabatan/Bahagian/Unit yang berkaitan pada masa dan tarikh yang diberikan. Semakan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) melibatkan semua



Jabatan/Bahagian/Unit termasuk Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua (MPKj).

Objektif semakan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) dilaksanakan bagi mengenalpasti status terkini Fail Meja kakitangan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan memastikan Fail Meja dalam keadaan dikemaskini. Semakan Fail Meja ini juga dijalankan bersama-sama dengan perunding dari Tetuan Paksi Rezeki Sdn. Bhd. yang akan menyemak Fail Meja dan akan memastikan setiap Fail Meja mengikut format yang disediakan.



PROGRAM BAZAR RAMADHAN MAMPAN 2017

Oleh : Muhammad Abdul Muhaimin Bin Salleh



Bagi menggalakkan langkah berjimat cermat dikalangan orang ramai, Majlis Perbandaran Kajang dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap & Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor telah menganjurkan Program Bazar Ramadhan Mampan pada 8hb Jun 2017 bertempat di Bandar Tun Hussein Onn Cheras.

"Majlis Perbandaran Kajang sentiasa melaksanakan kempen pengurangan polisterina serta menggalakkan pengguna menggunakan beg plastik mudah urai sewaktu berbelanja di bazar Ramadan".

"Kami juga akan meneruskan kempen tentang kebersihan dikalangan peniaga selain memberi kesedaran tentang kitar semula". Demikian ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua MPKj, Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar sewaktu majlis perasmian Program Bazar Ramadhan Mampan 2017.

Turut bersama Yang Dipertua pada program berkenaan adalah Ahli-Ahli Majlis, serta Pegawai daripada Majlis Perbandaran Kajang. Yang Dipertua seterusnya mengedarkan Goodies Bag serta apron kepada peniaga Bazar Ramadhan dan para pengunjung.

PENILAIAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2017, MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah



Pada 31hb Julai 2017 telah berlangsungnya program yang diberi nama Penilaian Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2017. Program tersebut diadakan di Dewan Seri Cempaka, Taman Saujana Impian yang dihadiri dari 30 buah agensi serta IPTA di bawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor. Antara objektif bagi program ini ialah mengumpul, mempromosi, memberi pengiktirafan dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovasi dalam pekerjaan serta persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

BENGGKEL PENINGKATAN AMALAN '5S' MELALUI AMALAN KAIZEN

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah

Majlis Perbandaran Kajang telah menganjurkan Bengkel Peningkatan Amalan 5S Melalui Amalan Kaizen pada 12-14 Julai 2017 yang dihadiri seramai 40 orang pegawai dan kakitangan. Bengkel dikelola oleh Encik Mohd Lizuan bin Abd Latif daripada syarikat Quality Mind Sdn. Bhd. selaku konsultan.

Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan amalan Kaizen dalam pelaksanaan 5S di

pejabat iaitu penambahbaikan setiap prinsip-prinsip agar setiap prinsip-prinsip mendapat impak yang maksima. Aktiviti kumpulan yang dijalankan mengamalkan konsep perbincangan setiap ciri-ciri 5S secara khusus supaya dapat ditambah baik berasaskan konsep Kaizen. Diharapkan bengkel ini dapat memberi input kepada pegawai dan kakitangan didalam meningkatkan amalan kualiti 5S di peringkat MPKj.





**PERHIMPUNAN PAGI MPKJ
BULAN JUN 2017
5 JUN 2017
MENARA MPKJ**




**MAJLIS BERBUKA PUASA MPKJ
BERSAMA ANAK YATIM
8 JUN 2017
MENARA MPKJ**



**PROGRAM JOM SHOPPING RAYA
BERSAMA ANAK YATIM
16 JUN 2017
AEON CHERAS SELATAN SHOPPING CENTRE**



**MAJLIS IFTAR KEMPEN
PANGSAPURI KITA BERSIH & CERIA
16 JUN 2017
PANGSAPURI SRI KENARI KAJANG**



**MAJLIS IFTAR BERSAMA
DYMM SULTAN SELANGOR
14 JULAI 2017
MASJID BANDAR RINCHING**



**IKRAR INTEGRITI KONTRAKTOR MPKJ
28 JULAI 2017
MENARA MPKJ**



**PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR
31 JULAI 2017
DEWAN SERI CEMPAKA KAJANG**



BERMULA 5.OGOS.2017

**LALUAN KOMUTER BANGI - BANDAR SERI PUTRA -
KUIS -BANDAR BUKIT MAHKOTA (KJ02)**
(BAS ELEKTRIK)

Kekerapan Perjalanan : 30 - 35 Minit (2 Buah Bas)

SEMPADAN SELANGOR / NILAI




BERMULA 1.OGOS.2017

**LALUAN STESEN MRT BTHO - CERAS PERDANA -
TAMAN TUN PERAK (KJ03)**

Kekerapan Perjalanan : 30 Minit (2 Buah Bas)

PANGSAPURI TAMAN TUN PERAK



HOTLINE
1-800-88-6755

aduan@mpkj.gov.my
www.mpkj.gov.my
Majlis Perbandaran Kajang

Sidang REDAKSI & JAWATANKUASA WEB

PENAUNG
Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar S.M.S

PENASIHAT
Tuan Haji Najmuddin Bin Jemain

KETUA PENGARANG
En. Kamaruzaman Bin Salimin A.I.S., P.P.T

PEN. KETUA PENGARANG
En. Rajani Bin Rajimin

SETIAUSAHA
En. Muqni Mubarak Bin Anwar Mubarak

PEN. SETIAUSAHA
En. Mohd Khirwan Bin Abdullah

PENGARANG
Pn. Norehan Bt. Muhamad Zahidi
Pn. Suzianaliza Bt. Mohd Yunus
En. Mohd Norhazeman Bin Md Noh
Cik Norzilawati Bt. Ismail
Pn. Subeha Bt. Mohd Saleh
Pn. Jamilah Bt. Osman
En. Awang Ali Bin Awang Sahari
En. Mohamad Razali Bin Kamaruddin
En. Muhammad Nazir Bin Awang @ Abdul Rahman
Pn. Nurul Farhanah Bt. Othman
En. Muhammad Khairul Hafizi Bin Osman
En. Azri Bin Amir
En. Faizol Bin Hatzri
En. Muhammad Izzat Bin Kamaruddin
En. Mohd Fazli Bin Idris

En. Khairul Naeim Bin Mohamed
Pn. Zetyafzan Rais Binti Mohamad

JURUGAMBAR
En. Mohamad Zawawi Bin Baharon
En. Khairul Nizam Bin Hijad Ali

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat
Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKJ, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03 8737 7899
Hotline Aduan : 1 800 88 6755
Faks : 03 8733 5743
Email : aduan@mpkj.gov.my